



UNTUK SIARAN SEGERA

## **Inovasi Dalam Animasi:**

### **Usaha Advokasi CMCF Melalui Pertandingan Filem Pendek**

*CMCF menganjurkan pertandingan filem animasi pendek untuk pelajar IPT sebagai sebahagian daripada usaha advokasi.*

**CYBERJAYA, 27 MAC 2024** — Animasi telah menjadi medium yang berpengaruh dalam menyampaikan cerita dan mesej di seluruh dunia. Di Malaysia, daya kreatif dalam industri animasi juga telah melahirkan bakat-bakat tempatan yang memperkukuh kedudukan negara dalam arena animasi global. Daripada karya-karya klasik seperti Hikayat Sang Kancil, Kerbau dan Buaya hingga animasi digital seperti siri Ejen Ali, industri animasi di Malaysia terus berkembang dengan pesat sehingga hari ini. Karya-karya ini bukan sahaja menghiburkan, tetapi menjadi wadah untuk berkongsi budaya tempatan dengan masyarakat luar.

Justeru, dalam usaha untuk mempromosi nilai kandungan berhemah dan menggalakkan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) untuk menghasilkan karya yang berimpak positif, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) bersama rakan kolaborasi, Persatuan Festival Seni Kreatif & TVET Malaysia (ANIFEST) dan Persatuan Pendidik Animasi Malaysia (PPAM) akan menganjurkan sebuah pertandingan filem pendek animasi berkonsepkan pesanan khidmat masyarakat.

Pertandingan ini akan berlangsung mulai April 2024 sehingga Jun 2024 dan ia terbuka untuk semua pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia daripada mana-mana bidang pengajian, tidak tertakluk kepada penuntut bidang animasi sahaja. Tujuan utama pertandingan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran pelajar IPT tentang kandungan berhemah melalui animasi, mendorong kreativiti dan kebolehan komunikasi visual pelajar serta memberikan platform untuk masyarakat menyuarakan pandangan mereka.

Juara pertandingan akan membawa pulang wang tunai bernilai RM6,000, naib juara pula sebanyak RM4,000 manakala tempat ketiga sebanyak RM2,000. Tiga hadiah saguhati turut tersedia dengan setiap pemenang menerima RM500. Bukan itu sahaja, semua peserta yang menyertai pertandingan ini turut diberikan sijil penyertaan. Setiap peserta juga berhak untuk memegang hak cipta karya yang dihasilkan dan pihak CMCF berhak hanya untuk menggunakannya sebagai bahan tayangan bagi aktiviti CMCF.

Menurut Rafiq Razali, Pengerusi CMCF, “Dengan jumlah bakat yang semakin berkembang dalam industri animasi tempatan, kami berharap dapat memanfaatkan kepakaran teknikal dan keupayaan bercerita mereka untuk membantu kami dalam menyampaikan mesej tentang kandungan yang selamat dan bagus.”

Tema yang ditetapkan ialah "Inovasi dalam Penciptaan Kandungan Berhemah", dengan subtema seperti “Etika dalam Penggunaan Media Sosial”, “Memahami Tanggungjawab Sebagai Pembuat Kandungan”, dan “Cara Kreatif untuk Menyampaikan Maklumat Secara Berkesan.” Pemilihan tema ini selari dengan situasi masa kini di mana industri kandungan turut melibatkan penggunaan media sosial dan menembusi segenap lapisan masyarakat.

Prof. Madya Ahmad Tarmizi bin Haji Azizan, Presiden PPAM turut berkata, “menerusi pertandingan ini, kami yakin akan ada banyak lagi bakat yang kita akan terokai kelak dan mereka juga boleh turut serta dalam menyambung legasi ini serta menyebarkan kandungan yang berkualiti untuk masyarakat.”

Sebuah sesi webinar taklimat mengenai pertandingan turut disediakan secara dalam talian sekiranya para pelajar IPTA/IPTS berminat untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan kriteria pertandingan tersebut.

Bagi penilaian karya, semua video akan dinilai oleh juri pertandingan yang mewakili CMCF, ANIFEST dan PPAM. Keputusan berkenaan pemenang adalah muktamad. Kriteria penghakiman adalah berdasarkan ketepatan tema, keaslian karya, kreativiti, proses penghasilan serta aspek teknikal. Keutamaan pertandingan ialah penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul.

Peserta hendaklah menghasilkan hasil karya asli dan jika didapati karya yang dihantar bukan karya asli, penyertaan akan dibatalkan serta-merta dan kemenangan akan ditarik balik. Selain itu, setiap karya yang dihantar juga mestilah karya baharu dan tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan sebelum ini.

Mereka yang berminat pula boleh menyertainya sama ada secara individu mahupun dalam kumpulan dengan jumlah maksimum seramai tiga orang. Setiap karya video dihantar mestilah berdurasi dalam 2 hingga 5 minit termasuk intro dan kredit serta perlu diserahkan dalam format MP4 HD 264 atau MKV (High Resolution).

Apa yang utama, karya yang dihasilkan mestilah tidak menyentuh sensitiviti keagamaan, perkauman, politik dan sebagainya yang boleh menggugat ketenteraman atau dikategorikan sebagai menyalahi undang-undang negara Malaysia. Penghasilan kandungan yang menyemarakkan semangat perpaduan, penggunaan media yang beretika, dan mesej-mesej baik lain adalah digalakkan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.contentforum.my](http://www.contentforum.my).

- TAMAT -

## **TENTANG CMCF**

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) ialah organisasi kawal selia sendiri yang bebas yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sebagai forum industri yang ditetapkan oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (CMA'98) untuk menyelia dan menggalakkan pengawalseliaan sendiri kandungan melalui medium rangkaian elektronik. Forum Kandungan terdiri daripada pemain utama industri kandungan iaitu pengiklan, agensi pengiklanan, penyiar, pencipta/pengedar kandungan, penyedia perkhidmatan pengehos teks audio, agensi pengiklanan, penyedia perkhidmatan internet dan kumpulan sivik.

Bertujuan untuk memudahkan kawal selia sendiri, yang menyediakan lapisan tambahan perlindungan pengguna yang melengkapkan rangka kerja undang-undang, CMCF komited untuk mentadbir dan mempromosikan penciptaan, pengedaran dan penggunaan kandungan rangkaian elektronik.

Sebagai forum industri, CMCF terdiri daripada ahli utama industri kandungan komunikasi dan multimedia, termasuk penyiar, pengiklan, pencipta kandungan, penyedia perkhidmatan akses internet dan kumpulan sivik. Perwakilan pengamal industri yang dinamik dan teguh ini memastikan piawaian kandungan terus dibangunkan dengan objektif untuk mewujudkan gelanggang yang sama rata dalam industri.

CMCF bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (“Kod Kandungan”). Kod Kandungan telah disediakan oleh CMCF dan pertama kali didaftarkan dengan MCMC pada 1 September 2004 dan telah diperbaharui pada tahun 2022. Kod Kandungan adalah sumber utama bagi pengawalseliaan sendiri industri kerana ia mengandungi piawaian pentadbiran dan amalan terbaik untuk penyebaran kandungan dalam komunikasi dan industri multimedia di Malaysia. Objektif utama Kod Kandungan adalah untuk menggariskan tatacara kawal selia sendiri yang menyediakan platform untuk kreativiti, inovasi dan pertumbuhan sihat industri yang berkembang pesat.

CMCF menempatkan Biro Aduan yang diberi kuasa untuk menangani semua aduan berkaitan kandungan yang disebarkan melalui rangkaian elektronik. Biro Aduan diberi kuasa untuk menyiasat kemungkinan pelanggaran Kod Kandungan, menguruskan pertikaian, mengadili kes, mengeluarkan arahan dan mengenakan sekatan jika perlu. Biro Aduan menerima aduan daripada pemain industri dan orang awam. Selain itu, ia memainkan peranan untuk menyediakan nasihat kepada mana-mana pihak yang memerlukan panduan tentang hal berkaitan kandungan elektronik.

---

### Dikeluarkan oleh GO Communications bagi pihak CMCF

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

#### **GO Communications**

**Lim Huei Yuih**, Brand Director

+6012 635 3278 [hueiyuih@gocomm.com.my](mailto:hueiyuih@gocomm.com.my)

**Anis Jilid**, Associate Brand Manager

+6011 1233 9022 [anis@gocomm.com.my](mailto:anis@gocomm.com.my)

---